

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**

**SOALAN 13 (A106)**

Kerajaan negeri sentiasa cakna akan hal ehwal kanak-kanak. Oleh itu, apakah inisiatif atau program kerajaan untuk menggalakkan persekitaran mesra kanak-kanak?

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Dalam agenda menggalakkan persekitaran mesra kanak-kanak, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah melaksanakan program seperti berikut:

1. Memperkasakan tanggungjawab komuniti untuk terlibat secara aktif membina persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak melalui Program Latihan *Child Support Team Johor* Menggunakan Modul Lindungi Permata Johor yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai satu latihan untuk memperkasakan komuniti dan masyarakat bagi membantu melindungi kanak-kanak.

Meningkatkan peranan ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Di antara aktiviti yang dikendalikan oleh PPKK ialah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat.

2. Meningkatkan standard kualiti penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak di Pusat Jagaan dan Taska di Negeri Johor dengan Program Penarafan Bintang kepada Pusat Jagaan Kanak-kanak juga akan diteruskan dan diperluaskan kepada Pusat Jagaan Warga Emas, dan OKU bagi memastikan kualiti perkhidmatan penjagaan kepada kumpulan sasar serta mematuhi segala peruntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994.
3. Insentif Yuran Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP) juga akan diteruskan pada tahun ini dan mensasarkan seramai 200 orang pengasuh di Taska.

Kerajaan Negeri Johor juga melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) mula menubuhkan TASKA di tempat kerja bagi membantu penjawat awam sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ketiga bertarikh 26 Januari 1999 serta merujuk kepada Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bagi Negeri Johor 1997-2001 :

- Wanita dan Keluarga
- Wanita dan Pekerjaan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

Jauhar Child Care Centre (JCC) YPKDT juga telah diperluaskan di kawasan komuniti dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor (PKPJ) dalam membantu ibu bapa bekerja menghantar dan mendapatkan khidmat jagaan serta pendidikan awal bagi anak mereka dengan persekitaran yang kondusif dan selamat serta berhampiran kediaman mereka.

Sebagaimana di dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 di bawah Teras 8: Pesona Wanita dan Idealis Anak Muda, Dasar PM 2 : Kesejahteraan dan Keseimbangan Hidup Wanita, iaitu, dengan meluaskan sokongan bagi Wanita bekerjaya dengan mensasarkan penubuhan 11 buah TASKA di bawah YPKDT menjelang 2030. Justeru itu, YPKDT telah menubuhkan 4 buah JCC yang telah beroperasi iaitu di JCC YPKDT Kota Iskandar, JCC YPKDT Daerah Pontian, Batu Pahat dan Muar. JCC YPKDT juga telah diwujudkan di daerah Segamat dan PPR Melana Indah Fasa 2, Skudai yang dijangka akan mula beroperasi pada 12 Mei 2024.

**PROGRAM CHIL SUPPORT TEAM JOHOR 2024**

<b>SIRI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPAT</b>
<b>1</b>	<b>JOHOR BAHRU</b>	<b>20-21 FEBRUARI 2024 (Bengkel Postmortem Dan Kajian Outcome Program Latihan Kepada Child Support Team Johor)</b>	<b>V8 Hotel Johor Bahru</b>
<b>2</b>	<b>BATU PAHAT</b>	<b>4-6 MAC 2024</b>	<b>Pine Tree Hotel, Batu Pahat</b>
<b>3</b>	<b>JOHOR BAHRU</b>	<b>6-8 MEI 2024</b>	<b>V8 Hotel, Johor Bahru</b>
<b>4</b>	<b>MUAR</b>	<b>27-29 MEI 2024</b>	<b>Pine Tree Hotel, Batu Pahat</b>
<b>5</b>	<b>KOTA TINGGI DAN MERSING</b>	<b>10-12 JUN 2024</b>	<b>Hotel Seri Malaysia, Mersing</b>
<b>6</b>	<b>KULAI DAN PONTIAN</b>	<b>24-26 JUN 2024</b>	<b>V8 Hotel, Johor Bahru</b>
<b>7</b>	<b>SEGAMAT</b>	<b>8-10 JULAI 2024</b>	<b>Pine Tree Hotel, Batu Pahat</b>
<b>8</b>	<b>TANGKAK</b>	<b>29-31 JULAI 2024</b>	<b>Pine Tree Hotel, Batu Pahat</b>
<b>9</b>	<b>KLUANG</b>	<b>5-7 OGOS 2024</b>	<b>Pine Tree Hotel, Batu Pahat</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK NEGERI JOHOR**

<b>BIL</b>	<b>NAMA DAN ALAMAT PAKK</b>	<b>PARLIMEN DAN DUN</b>	<b>BIL</b>	<b>NAMA DAN ALAMAT PAKK</b>	<b>PARLIMEN DAN DUN</b>
1	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Skudai Kiri Johor Bahru No 14 Jalan Skudai Kiri 81200 Tampoi, Johor Bahru	Parlimen: Pulai DUN: Pengkalan Rinting	6	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Bukit Siput Segamat Jalan Kurnia, Taman Kurnia, 85020 Bukit Siput, Segamat	Parlimen: Sekijang DUN Kemelah
2	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Taman Cendana Johor Bahru Tingkat Bawah, Blok 38 Taman Cendana, 81750 Pasir Gudang,	Parlimen: Pasir Gudang DUN: Permas	7	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Taman Penggaram No 7, Jalan Sp Tengah, Taman Sri Penggaram ,830000 Batu Pahat, Johor	Parlimen Batu Pahat DUN: Penggaram
3	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Pagoh Muar No 2, Jalan Jaya 2/20, Taman Pagoh Jaya,84600 Muar	Parlimen: Pagoh DUN: Bukit Pasir	8	Kompleks Penghulu Mukim Ulu Benut Simpang Renggam Kluang, Johor	Parlimen : Simpang Renggam DUN : Machap
4	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Parit Unas Muar Lot 1197 Pt. Unas, Jalan Abdul Rahman, 84000 Muar, Johor	Parlimen: Muar DUN: Maharani	9	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Daerah Kota Tinggi JKR 475 Jalan Skin, Kota Kecil, 81900 Kota Tinggi,	Parlimen : Kota Tinggi DUN: Johor Lama
5	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Taman Wira, Labis Segamat, No. 3, Jalan Kesumba 3, Taman Wira, 85300 Labis	Parlimen: Labis DUN: Tenang	10	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Daerah Mersing Balairaya Kampung Air Merah, 86800 Mersing, Johor	Parlimen: Mersing DUN: Endau

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**TIME LINE PROGRAM PENARAFAN BINTANG PUSAT JAGAAN 2024**

PERKARA	TEMPAT	TARIKH
<p>Bengkel Pelaksanaan Program Penarafan Bintang Pusat Jagaan Berdaftar Negeri Johor Tahun 2024:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mesyuarat kajian Semula (POST Moterm) Program Penarafan Bintang Pusat Jagaan Kanak-kanak Tahun 2023</li> <li>ii) Bengkel Penambahbaikan Indikator dan sistem pemarkahan Penarafan Bintang Pusat Jagaan.</li> <li>iii) Penyediaan SOP Kemasukan Kanak-Kanak ke Pusat Jagaan.</li> <li>iv) Perlantikan Pegawai Pemeriksa Pusat Jagaan Berdaftar Negeri Johor Tahun 2024</li> </ul>	Johor Bahru	5-7 Februari 2024
Taklimat kepada Pengendali Pusat Jagaan	Johor Bahru	20 Februari 2024
Jadual Pemeriksaan Pusat Jagaan Berdaftar sebanyak 245 buah oleh Pegawai Pemeriksa		1 Mac 2024 – 31 Mei 2024
Pemeriksaan Silang oleh Panel Urusetia Ke Atas Pusat Jagaan Berdaftar yang memperolehi markah 5 bintang.		1 – 30 Jun 2024
Mesyuarat Panel Penilai Pemarkahan Program Penarafan Bintang Pusat Jagaan	Johor Bahru	16 Julai 2024
Majlis Penganugerahan Program Penarafan Bintang Pusat Jagaan	Johor Bahru	7 Ogos 2024

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**

**SOALAN 14 (A136)**

Apakah usaha yang sedang dan akan dilaksanakan bagi memastikan kesesakan Lebuhraya Utara Selatan pada waktu puncak khususnya di negeri Johor dapat diatasi sepenuhnya?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Ahli Dewan bagi mengatasi masalah ini, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama pihak PLUS Berhad mengambil tindakan jangka pendek dengan mengaktifkan Laluan Smartlane (menggunakan lorong kecemasan) sebagai lorong tambahan untuk menampung kapasiti kenderaan. Untuk jajaran Kulai ke Senai kedua-dua arah, pengaktifan Laluan Smartlane dilaksanakan pada musim cuti perayaan. Jajaran Persimpangan Bertingkat Pandan ke Setia Tropika dan Dato' Onn ke Persimpangan Bertingkat Pasir Gudang pula Laluan Smartlane diaktifkan setiap hari bermula jam 6.00 pagi sehingga jam 8.00 malam.

Berkaitan itu juga, bagi langkah penyelesaian jangka panjang pula, pihak kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan untuk kerja tambahan lorong bermula dari Senai ke Simpang Renggam. Kerja pembinaan lorong tambahan ini akan dilaksanakan pada Jun 2024.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)**

**SOALAN 15 (A171)**

Isu kesesakan di Lebuhraya PLUS dari sekitar Sedenak menghala ke Johor Bahru dan sebaliknya. Apakah langkah penyelesaian segera yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan kesesakan tersebut?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Ahli Dewan bagi mengatasi masalah ini, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama pihak PLUS Berhad mengambil tindakan jangka pendek dengan mengaktifkan Laluan Smartlane (menggunakan lorong kecemasan) sebagai lorong tambahan untuk menampung kapasiti kenderaan. Untuk jajaran Kulai ke Senai kedua-dua arah, pengaktifan Laluan Smartlane dilaksanakan pada musim cuti perayaan. Jajaran Persimpangan Bertingkat Pandan ke Setia Tropika dan Dato' Onn ke Persimpangan Bertingkat Pasir Gudang pula Laluan Smartlane diaktifkan setiap hari bermula jam 6.00 pagi sehingga jam 8.00 malam.

Berkaitan itu juga, bagi langkah penyelesaian jangka panjang pula, pihak kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan untuk kerja tambahan lorong bermula dari Senai ke Simpang Renggam. Kerja pembinaan lorong tambahan ini akan dilaksanakan pada Jun 2024.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)****SOALAN 16 (A97)**

Selain pemberian One-Off kepada pegawai masjid dan surau dalam negeri Johor, apakah perancangan kerajaan negeri bagi menambah baik kadar elaun pegawai masjid dan surau dalam memastikan elaun yang diterima bersesuaian dengan kadar kos keperluan sara hidup masa kini?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tenang secara bersekali. Untuk makluman Yang Berhormat dan Sidang Dewan Yang Mulia, sehingga April 2024 kerajaan negeri telah melantik seramai 5,855 pegawai masjid dan surau untuk memegang jawatan sebagai imam, bilal dan noja di 839 buah Masjid dan 1,891 buah Surau.

Untuk makluman Yang Berhormat, Masjid dalam negeri Johor terbahagi kepada 3 kategori iaitu masjid kerajaan sebanyak 28 masjid, masjid institusi 24 masjid dan masjid kariah 787 masjid. Begitu juga dengan surau terbahagi kepada 2 kategori iaitu surau kariah 1,855 surau dan surau institusi 26 surau. Daripada kesemua kategori tersebut hanya masjid kariah, surau kariah dan surau jumaat sahaja dibayar elaun bulanan sama ada daripada JAKIM atau kerajaan negeri.

Berikut merupakan pecahan pemberian elaun kepada pegawai masjid dan surau kariah negeri Johor :

- 1,584 (imam 1 dan imam 2 yang berkhidmat di masjid kariah) menerima elaun JAKIM iaitu sebanyak RM850/sebulan

Daripada kerajaan negeri pula :

- 696 bilal dan 603 noja masjid kariah masing-masing menerima RM100 dan RM80 sebulan
- 1,613 imam dan 1,359 bilal surau kariah masing-masing menerima RM100 dan RM50 sebulan

Sebagai makluman tambahan, hanya kerajaan negeri Johor sahaja membayar elaun kepada pegawai yang berkhidmat di surau. Bagi negeri-negeri lain, elaun hanya diberikan kepada pegawai yang berkhidmat di masjid sahaja.

Bagi pegawai masjid kerajaan, pegawainya dilantik dalam kalangan kakitangan kerajaan yang menerima gaji hakiki pada setiap bulan manakala bagi pegawai masjid dan surau institusi, pegawainya dilantik oleh pihak institusi tersebut dan pihak institusi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

yang bertanggungjawab membayar gaji/elaun mereka. Contoh masjid atau surau institusi ialah masjid UTM, masjid UTHM, masjid An-Nur Kotaraya, masjid Sultan Iskandar dan lain-lain lagi.

Bagi maksud menjaga kebajikan pegawai-pegawai masjid dan surau ini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pembangunan Masjid dan Surau telah memajukan kertas cadangan bagi memohon kenaikan elaun pegawai masjid dan surau kepada kerajaan negeri sebanyak dua kali namun ditolak atas faktor kekangan perbelanjaan. Namun begitu, melalui ucapan belanjawan 2024, YAB Menteri Besar Johor telah memperuntukan sebanyak RM2.28 juta pemberian one off RM500 kepada 4,576 pegawai masjid dan surau negeri Johor dalam meraikan usaha mereka dalam pengimarah masjid dan surau negeri Johor. JAKIM turut menyalurkan pemberian one off RM700 kepada imam, bilal dan noja masjid kariah. Sebagai tambahan Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengambil langkah proaktif dengan mencarumkan PERKESO kepada pegawai masjid dan surau serta penggerak dun yang memberi manfaat kepada 5,941 penerima dengan caruman RM232.80 setahun untuk setiap seorang.

Adalah diakui bahawa penggajian atau elaun yang diberikan dengan kadar yang tinggi dapat menarik golongan muda untuk menjadi pelapis untuk berkhidmat di masjid dan surau dalam negeri Johor. Setakat ini, hanya elaun yang dibayar oleh JAKIM kepada iman 1 dan imam 2 di masjid kariah menerima elaun yang agak selesa iaitu RM850/sebulan. Antara inisiatif lain, sumbangan orang awam kepada masjid dan surau kariah dapat membantu sebagai imbuhan tambahan kepada pegawai masjid dan surau yang bertugas.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri menyedari bahawa elaun yang diberikan kepada pegawai masjid dan surau dalam negeri Johor agak kecil bagi menyesuaikan kadar kos keperluan hidup semasa. Walau bagaimanapun, pentadbiran ini akan terus berusaha memperjuangkan kebajikan pegawai-pegawai masjid dan surau dengan mengkaji semula kertas cadangan memohon kenaikan elaun pegawai masjid dan surau mengikut kadar yang bersesuaian dengan kewangan semasa. Buat masa ini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedang giat melengkapkan butiran elaun dan pentauliah pegawai disemua masjid dan surau dalam negeri Johor. In Shaa Allah, menjelang Julai 2024, semua pegawai masjid dan surau negeri Johor yang menerima elaun daripada kerajaan negeri akan diselesaikan pembayarannya.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)****SOALAN 17 (A105)**

Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menarik minat orang muda atau pelapis untuk berkhidmat di masjid atau surau? Ini kerana elaun yang ditawarkan rendah dan tidak dapat menarik minat golongan ini?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tenang secara bersekali. Untuk makluman Yang Berhormat dan Sidang Dewan Yang Mulia, sehingga April 2024 kerajaan negeri telah melantik seramai 5,855 pegawai masjid dan surau untuk memegang jawatan sebagai imam, bilal dan noja di 839 buah Masjid dan 1,891 buah Surau.

Untuk makluman Yang Berhormat, Masjid dalam negeri Johor terbahagi kepada 3 kategori iaitu masjid kerajaan sebanyak 28 masjid, masjid institusi 24 masjid dan masjid kariah 787 masjid. Begitu juga dengan surau terbahagi kepada 2 kategori iaitu surau kariah 1,855 surau dan surau institusi 26 surau. Daripada kesemua kategori tersebut hanya masjid kariah, surau kariah dan surau jumaat sahaja dibayar elaun bulanan sama ada daripada JAKIM atau kerajaan negeri.

Berikut merupakan pecahan pemberian elaun kepada pegawai masjid dan surau kariah negeri Johor :

- 1,584 (imam 1 dan imam 2 yang berkhidmat di masjid kariah) menerima elaun JAKIM iaitu sebanyak RM850/sebulan

Daripada kerajaan negeri pula :

- 696 bilal dan 603 noja masjid kariah masing-masing menerima RM100 dan RM80 sebulan
- 1,613 imam dan 1,359 bilal surau kariah masing-masing menerima RM100 dan RM50 sebulan

Sebagai makluman tambahan, hanya kerajaan negeri Johor sahaja membayar elaun kepada pegawai yang berkhidmat di surau. Bagi negeri-negeri lain, elaun hanya diberikan kepada pegawai yang berkhidmat di masjid sahaja.

Bagi pegawai masjid kerajaan, pegawainya dilantik dalam kalangan kakitangan kerajaan yang menerima gaji hakiki pada setiap bulan manakala bagi pegawai masjid dan surau institusi, pegawainya dilantik oleh pihak institusi tersebut dan pihak institusi yang bertanggungjawab membayar gaji/elaun mereka. Contoh masjid atau surau

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

institusi ialah masjid UTM, masjid UTHM, masjid An-Nur Kotaraya, masjid Sultan Iskandar dan lain-lain lagi.

Bagi maksud menjaga kebajikan pegawai-pegawai masjid dan surau ini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pembangunan Masjid dan Surau telah memajukan kertas cadangan bagi memohon kenaikan elaun pegawai masjid dan surau kepada kerajaan negeri sebanyak dua kali namun ditolak atas faktor kekangan perbelanjaan. Namun begitu, melalui ucapan belanjawan 2024, YAB Menteri Besar Johor telah memperuntukan sebanyak RM2.28 juta pemberian one off RM500 kepada 4,576 pegawai masjid dan surau negeri Johor dalam meraikan usaha mereka dalam pengimarah masjid dan surau negeri Johor. JAKIM turut menyalurkan pemberian one off RM700 kepada imam, bilal dan noja masjid kariah. Sebagai tambahan Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengambil langkah proaktif dengan mencarumkan PERKESO kepada pegawai masjid dan surau serta penggerak dun yang memberi manfaat kepada 5,941 penerima dengan caruman RM232.80 setahun untuk setiap seorang.

Adalah diakui bahawa penggajian atau elaun yang diberikan dengan kadar yang tinggi dapat menarik golongan muda untuk menjadi pelapis untuk berkhidmat di masjid dan surau dalam negeri Johor. Setakat ini, hanya elaun yang dibayar oleh JAKIM kepada iman 1 dan imam 2 di masjid kariah menerima elaun yang agak selesa iaitu RM850/sebulan. Antara inisiatif lain, sumbangan orang awam kepada masjid dan surau kariah dapat membantu sebagai imbuhan tambahan kepada pegawai masjid dan surau yang bertugas.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri menyedari bahawa elaun yang diberikan kepada pegawai masjid dan surau dalam negeri Johor agak kecil bagi menyesuaikan kadar kos keperluan hidup semasa. Walau bagaimanapun, pentadbiran ini akan terus berusaha memperjuangkan kebajikan pegawai-pegawai masjid dan surau dengan mengkaji semula kertas cadangan memohon kenaikan elaun pegawai masjid dan surau mengikut kadar yang bersesuaian dengan kewangan semasa. Buat masa ini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedang giat melengkapkan butiran elaun dan pentauliahan pegawai di semua masjid dan surau dalam negeri Johor. Insya-Allah, menjelang Julai 2024, semua pegawai masjid dan surau negeri Johor yang menerima elaun daripada kerajaan negeri akan diselesaikan pembayarannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**

**SOALAN 18 (A115)**

Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah penempatan pekerja asing?

**JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN**

Semua majikan yang mengajikan pekerja asing diwajibkan untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada pekerja asing yang digajikan. Seksyen 24D Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) memperuntukkan bahawa setiap penginapan yang disediakan perlu mendapat perakuan penginapan daripada Jabatan Tenaga Kerja. Mana-mana majikan yang melanggar peruntukan Akta tersebut adalah melakukan satu kesalahan dan bila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000.00.

Bagi tahun 2023, Jabatan Tenaga Kerja Johor telah membuka sebanyak 104 kertas siasatan bagi kesalahan di bawah seksyen 24D Akta 446. Daripada 104 Kertas siasatan tersebut, 19 pendakwaan telah dibuat dengan jumlah denda sebanyak RM 57,000.00 dan 85 kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah tawaran kompaun berjumlah RM 1,016,000.00.

Jumlah perakuan penginapan pekerja yang telah diluluskan bagi Negeri Johor dari tahun 2021 hingga 30 April 2024 adalah sebanyak 4,473 permohonan yang meliputi 4153 majikan dan 320 Penyedia Penginapan Berpusat dengan jumlah kapasiti katil keseluruhan berjumlah 217,023 orang. Jabatan Tenaga Kerja Johor dari semasa ke semasa akan melakukan operasi penguatkuasaan bagi memastikan majikan-majikan di Negeri Johor mematuhi peruntukan Akta 446.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)****SOALAN 19 (A158)**

Nyatakan rancangan kerajaan negeri dan permintaan kepada kerajaan persekutuan dari segi pembangunan kemudahan kesihatan di Daerah Johor Bahru secara khusus dan Greater Johor Bahru secara amnya.

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Menyedari kepesatan pembangunan dan ekonomi yang berlaku di daerah Johor Bahru, Kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor lebih proaktif dalam merancang menyediakan kemudahan infrastruktur kesihatan primer dan penyampaian perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia. Melalui pelan halatuju pembangunan fasiliti kesihatan primer negeri Johor tahun 2025 hingga 2045, beberapa permohonan pembinaan Klinik Kesihatan baharu dan gantian akan dipohon kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia. Antara cadangan permohonan adalah seperti berikut:

- Cadangan pembinaan Kompleks Kesihatan Awam Daerah Johor Bahru;
- Cadangan pembinaan baru Klinik Kesihatan Iskandar Puteri;
- Cadangan pembinaan baru Klinik Kesihatan Kangkar Pulai;
- Cadangan pembinaan gantian baru Klinik Kesihatan Gelang Patah;
- Cadangan pembinaan baru Klinik Kesihatan Cahaya Baru;
- Cadangan pembinaan gantian baru Klinik Kesihatan Majidee; dan
- Cadangan pembinaan gantian baru Klinik Kesihatan Larkin.

Pada masa yang sama juga, pihak JKN Johor secara konsisten memohon setiap tahun peruntukkan pembangunan naiktaraf dan peruntukkan klinik daif daripada Kerajaan persekutuan bagi membaiki dan menaiktaraf klinik kesihatan dan klinik desa sedia ada di negeri Johor khususnya di dalam daerah Johor Bahru.

Manakala cadangan permohonan hospital/fasiliti kesihatan lain adalah:

- Cadangan pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA2) Johor Bahru;
- Cadangan pembinaan blok rawatan harian (ACC) HSAJB; dan
- Cadangan pembinaan bangunan PET Nuklear dan Onkologi HSIJB.

Pusat Pakar Pergigian Negeri Johor yang akan menempatkan beberapa jenis kepakaran iaitu kepakaran Pergigian Restoratif, kepakaran Pergigian Ortodontik dan kepakaran Pergigian Periodontik yang dijangka dibina di Kempas, Johor Bahru. Permohonan telah dihantar ke Kementerian Kesihatan Malaysia dan sentiasa disusul.

Sebagaimana keperihatinan dan usul Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam sektor kesihatan di Negeri Johor khususnya di daerah Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

Bahru, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah mengangkat cadangan pembinaan sebuah hospital berkapasiti 1200 katil. Kelulusan kerja awalan telah diluluskan di bawah peruntukan RP4, RMK12.

Sekian, Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 20 (A33)**

Banyak pembangunan yang wujud di Johor akan memberi limpahan ekonomi kepada negeri. selain rumah mampu milik dan PPR. Apakah usaha kerajaan negeri dalam memastikan pemaju perumahan dapat menyediakan rumah pada harga mampu milik kepada rakyat negeri Johor?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Penyediaan tempat kediaman yang mampu dimiliki oleh rakyat Johor samada secara pemilikan ataupun sewaan akan terus menjadi agenda yang sangat penting di dalam pentadbiran kerajaan negeri. Sebilangan besar pembangunan hartanah perumahan ini dimajukan oleh pemaju swasta. Selain itu, pembangunan ini juga turut disediakan oleh GLC Negeri Johor.

Bagi memastikan pemaju perumahan dapat menyediakan rumah pada harga mampu milik kepada rakyat negeri Johor, Kerajaan Negeri telah pun memperkenalkan Polisi Perumahan Mampu Milik Johor yang mana pemaju disyaratkan untuk melaksanakan pembinaan komponen 60 % rumah pasaran bebas wajib setara membina 40 % rumah mampu milik mereka. Rumah Mampu Milik ini juga turut dijual pada harga bermula RM50,000 sehingga RM300,000 dan angka ini jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga yang sepatutnya dijual pada harga pasaran.

Untuk makluman Dato' Speaker, kerajaan negeri telah mensasarkan sebanyak 30,000 unit rumah mampu milik yang perlu disiapkan sehingga tahun 2026. Daripada angka tersebut, tahun 2022 menyaksikan sebanyak 5,161 unit Rumah Mampu Milik telah berjaya disiapkan oleh pihak pemaju swasta, GLC Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan. Selain itu bagi tahun 2023 pula, 4,378 unit telah pun siap dibina dan diduduki oleh Bangsa Johor.

Kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen dan kerjasama di antara semua agensi kerajaan iaitu PKPJ, PBT, Pentadbiran tanah, PlanMalaysia@Johor dan agensi-agensi utiliti yang dikoordinasikan melalui Planning, Design and Review Committee (PDRC).

PDRC berperanan untuk menilai, memantau, dan memudahcara permohonan cadangan pembangunan perumahan mampu milik. Ia juga menjadi platform utama kepada inisiatif pembinaan rumah mampu milik bagi kumpulan B40 dan M40.

Memandang ke hadapan, bagi memastikan rakyat Negeri Johor dapat menikmati harga rumah yang mampu dimiliki, Kerajaan Negeri melalui Bajet Johor 2024 telah memperkenalkan Projek Residensi Bangsa Johor dan pembinaan RsBJ ini melalui kerjasama PKPJ dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) ini akan dilaksanakan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

dengan membina 2,971 unit rumah melibatkan Perumahan Iskandar Puteri Bangsa Johor, RsBJ Tangkak, RsBJ Yong Peng dan RsBJ Renggam.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memahami masih terdapat Bangsa Johor masih kurang mampu untuk memiliki rumah. Oleh yang demikian melalui Program Rumah Transit Bangsa Johor ini, sebanyak 92 unit di Rumah Transit Kempas dan 216 unit di Bandar Putra Kulai telah dilaksanakan pada tahun 2023. Pada tahun 2024 pula, RM 15 juta diperuntukkan untuk penyediaan 130 unit perumahan transit di Taman Tasik Indah, Kluang dan Taman Mutiara Rini, Johor Bahru.

Selain itu, bagi memperbanyakkan lagi rumah-rumah yang mampu dimiliki kerajaan negeri juga turut memohon kepada Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah RMK-12 (Rolling Plan 3 dan Rolling Plan 4).

Alhamdulillah, InshaAllah Johor akan menerima 2 projek PPR di Kluang, Larkin. 2 projek PPR baharu ini akan dilaksanakan proses Kajian Nilai, Kajian Kejuruteraan dan Semakan nilai oleh pihak KPKT bagi memperincikan skop dan kos pembangunan bagi tujuan penyediaan dokumen tender pada tahun ini.

Seterusnya pihak PKPJ juga telah menghadiri sesi pembentangan bagi kajian penilaian teknikal melibatkan tapak yang dicadangkan pada 7 Mac 2024 di KPKT. Penilaian yang dilaksanakan oleh pihak KPKT adalah berdasarkan jumlah permintaan dengan merujuk kepada golongan miskin tegar, golongan pendapatan 40% terendah (B40) dan golongan setinggan.

Selain itu juga, ketersediaan tanah juga turut diambil kira oleh pihak KPKT dan tapak yang disediakan oleh Kerajaan Negeri mestilah strategik, sesuai untuk dibangunkan tanpa sebarang halangan/bebanan (*free from any encumbrances*) dan mempunyai ketersediaan kemudahan infrastruktur asas.

Penilaian yang dilaksanakan oleh pihak KPKT ini adalah bagi memastikan projek tersebut adalah benar-benar mencapai objektifnya dan PPR adalah satu program Kerajaan Persekutuan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah serta pelaksanaan pembangunan dengan kos pembangunan minimum atau dengan izin *value for money* oleh pihak Kerajaan Persekutuan serta mengambil kira lokasi pembangunan yang strategik dan kemudahan-kemudahan awam yang dapat disediakan.

Oleh yang demikian kita sama-sama berdoa semoga usaha murni bagi pelaksanaan projek PPR dibawah RP5 (RMK-12) ini dapat direalisasikan untuk memenuhi keperluan kediaman kepada Bangsa Johor. Insha-Allah

Secara kesimpulannya jenis projek pembinaan perumahan yang mampu dimiliki oleh Bangsa Johor adalah meliputi:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

- i. Komponen 40 % Rumah Mampu Milik yang dibina oleh pemaju.
- ii. Rumah mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Negeri Johor melalui GLC Negeri.
- iii. Rumah yang dibina oleh GLC Kerajaan Pusat seperti PR1MA dan SPNB
- iv. Rumah transit atau rumah sewa Kerajaan di bawah Kerajaan Negeri Johor serta Projek Perumahan Rakyat atau PPR dibawah KPKT.
- v. Skim bantuan membina rumah baru, iaitu Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dibawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Rumah Mesra Rakyat SPNB di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Program Rumah Kasih Johor dibawah Kerajaan Negeri Johor



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 21 (A44)**

Apakah usaha-usaha positif yang boleh diambil oleh kerajaan bagi merencanakan pembangunan tanaman kelapa di negeri ini kerana tanaman kelapa sawit telah begitu dominan, manakala bekalan kelapa segar dan kelapa muda mendapat permintaan yang tinggi di negeri ini.

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Bagi menyokong lagi aktiviti penanaman kelapa, adalah menjadi dasar kerajaan negeri bagi setiap permohonan tanah kerajaan untuk mengusahakan tanaman untuk pertanian, penanaman kelapa juga adalah digalakkan dan diberi perhatian. Kawasan-kawasan kelapa baru juga turut diwujudkan di kawasan KEJORA Kota Tinggi dan Projek Pertanian Moden Kluang. Program-program menggalakkan rakyat untuk menanam kelapa juga diwujudkan melalui program pemberian benih-benih kelapa, bagi menampung keperluan kelapa seharian.

Jabatan Pertanian masih terus menggalakan pekebun-pekebun kecil supaya memajukan tanaman kelapa mereka dengan cara menanam semula kawasan-kawasan kelapa tua yang sedia ada dengan memperkenalkan klon baru yang bermutu tinggi seperti kelapa matag dan kelapa pandan, melibatkan daerah-daerah berpotensi.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, tanaman pokok kelapa tua yang tidak lagi produktif dan yang tidak mengeluarkan hasil yang baik adalah digalakan untuk ditebang dan di tanam semula dengan baka hibrid yang lebih berkualiti seperti kelapa pandan dan matag. Sehubungan itu, pekebun berkenaan mengambil peluang untuk menjual batang kelapa itu sebagai satu hasil sampingan mereka. Harga jualan batang kelapa ialah RM 5.00 bagi setiap tual berukuran lebih kurang 4.5 kaki. Untung bersih bagi setiap tual batang kelapa yang dijual ialah lebih kurang RM1.00. Sehingga kini, belum ada undang-undang untuk mengawal penebangan tanaman kelapa dan setakat ini hanya tanaman kelapa tua sahaja yang ditebang bagi tujuan tanam semula atau perubahan tanaman kepada tanaman lain.

Bagi pengusaha-pengusaha tanaman kelapa sedia ada seperti yang tersebut di atas, kerajaan negeri akan menggalakkan mereka untuk mengusahakan tanaman selingan / sampingan seperti koko atau kopi. Ianya secara tidak langsung, akan membantu meningkatkan pengeluaran tanaman tersebut.

Untuk makluman, anggaran keperluan permintaan kelapa Negeri Johor ialah lebih kurang 105,000,000 kg setahun. Bagi menampung keperluan yang tersebut dan juga akibat permasalahan yang wujud dalam industri pengeluaran tanaman kelapa (rosak / kekurangan nutreins / masalah iklim / musuh tanaman / diserang penyakit / kelapa tua

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

yang tidak ekonomik dan lain-lain masalah global), tambahan baru kawasan kelapa / tanaman semula kawasan kelapa yang diperlukan ialah 2,650 hektar.

Dalam tempoh lima (5) tahun yang akan datang, kerajaan negeri merancang untuk membangunkan kawasan tanaman kelapa seluas 1,325 hektar. Dalam setiap tahun, sebanyak 265 hektar kawasan tanaman kelapa akan dibangunkan.

Keperluan benih kelapa setahun dianggarkan sebanyak 53,000 benih kelapa. Ianya tidak mencukupi kerana kemampuan pengeluaran benih kelapa yang dikeluarkan oleh Pusat Pertanian Jorak (Pusat Bekalan Benih Kelapa) ialah sekitar 28,000 benih kelapa / setahun. Kerajaan Negeri telah merancang untuk meningkatkan lagi pengeluaran benih kelapa dengan mewujudkan pusat pengeluaran benih kelapa seperti di Taman Pertanian Johor, Kong Kong, Masai dibawah kelolaan Jabatan Pertanian.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**

**SOALAN 22 (A95)**

Berapa ramai penerima manfaat bagi inisiatif WCaRe Johor di bawah LPPKN Johor hingga 2024 dan apakah syarat-syarat utama bagi mendapatkan perkhidmatan ini?

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Seramai **1,314** wanita menerima saringan ujian kanser serviks HPV DNA manakala seramai **1,155** wanita menerima ujian mamogram saringan kanser payudara. Secara keseluruhannya penerima manfaat bagi inisiatif WCaRe Johor **sehingga 30 April 2024 adalah seramai 2,434 orang**. Daripada jumlah ini 35 wanita telah menjalani kedua-dua ujian mamogram dan HPV DNA.

**Pecahan penerima manfaat WCaRe Johor** mengikut kategori adalah seperti berikut :

Kategori	Jumlah Wanita
Ibu Tunggal	71
B40	1947
Miskin	52
Miskin Tegar	6
Orang Asli	1
M40	298
Penjawat Awam	59
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,434 orang</b>

**Kriteria wanita layak menerima subsidi mamogram :**

- Warganegara Malaysia atau penduduk tetap; dan
- Wanita berumur 40 – 70 tahun ; atau
- Wanita berumur 35 – 39 tahun yang mempunyai sejarah keluarga mendapat kanser payudara pada usia kurang dari 40 tahun juga layak untuk menjalani ujian mamogram dengan rujukan pegawai perubatan.
- Pendapatan isi rumah bawah RM 10,000.00

**Kriteria wanita layak bagi Ujian HPV DNA** adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia atau penduduk tetap; dan
- Wanita berumur 30 – 65 tahun; dan
- Wanita daripada kalangan B40 dan M40

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 23 (A69)**

Apakah status perancangan atau pelaksanaan penggunaan aplikasi pembayaran parkir di setiap PBT Johor?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Untuk Makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu kerjasama strategik telah diwujudkan di bawah **The Greater JB** yang mana kesemua Pihak Berkuasa Tempatan di dalam Johor Bahru bersama Majlis Perbandaran Kulai, bergerak sehaluan dalam perancangan Pembangunan serta urus tadbir berasaskan permuafakatan yang kukuh dan konsisten. Pembangunan **The Greater JB** melibatkan empat (4) PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu).

Antara usaha-usaha yang diberi tumpuan utama adalah termasuk memastikan tadbir urus efisien, memperkukuh imej dan penjenamaan **The Greater JB**, meningkatkan tahap kebersihan serta aksesibiliti dan mobility bandar raya. **The Greater JB** ini di rencanakan bagi menyelaraskan kekuatan daya saing empat (4) PBT terlibat dan penyediaan standard infrastruktur serta utiliti yang cekap sepertimana yang telah digariskan dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN).

Terdapat 10 tunggak utama digariskan bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan **The Greater JB** yang menjadi fokus kepada empat (4) PBT ini. Bagi pelaksanaan aplikasi pembayaran parkir di setiap PBT Johor, pilot projek ini adalah di bawah MBIP dan dijalankan di kawasan pentadbiran MBIP sejak 1 April 2024. Sistem aplikasi parkir secara digital ini juga dikenali sebagai Parkmax@Johor. Tempoh pelaksanaan pilot projek bagi aplikasi Parkmax@Johor adalah sehingga 31 Mei 2024. Sebaik tamat tempoh uji coba ini, satu sesi penilaian dan tambah baik sistem akan dijalankan sebelum ianya diguna pakai di kawasan pentadbiran **The Greater JB**. Berikut adalah garis masa perancangan penggunaan sistem aplikasi ini :

1 Julai 2024	: Penggunaan di MBIP & MPKu
1 Januari 2025	: Penggunaan di MBPG
1 Julai 2026	: Penggunaan di MBJB

Bagi kawasan pentadbiran MBPG, pengurusan tempat letak kenderaan adalah bagi kawasan tempat letak kenderaan tertutup seperti kawasan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang (KPBPG) dan Pusat Perdagangan (*Business Centre*). Sistem yang digunakan adalah sistem *License Plate Recognition* (LPR) dan operator yang menguruskan adalah Tetuan Koperasi Wawasan MBPG Johor Berhad dan CTIntel Sdn Bhd. Ianya telah diguna pakai sejak November 2023.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

Seterusnya aplikasi ini dijangka akan diperluaskan ke seluruh kawasan PBT negeri Johor sebagai satu aplikasi tempat letak kenderaan tunggal yang akan memudahkan rakyat dalam membuat pembayaran petak letak kenderaan dan penguatkuasaan oleh pihak PBT.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 24 (A152)**

Berapakah peruntukan yang diterima oleh sekolah di dalam DUN Parit Raja yang telah diagihkan oleh Kementerian Pendidikan bagi tahun 2023. Diminta senaraikan secara terperinci.

**JAWAPAN YB TUAN AZNAN BIN TAMIN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan berjumlah RM1,129,500.00 telah diperuntukkan dan disalurkan kepada PPD Batu Pahat untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan 14 buah sekolah di bawah Dun Parit Raja Batu Pahat bagi tahun 2023.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk menaik taraf kemudahan dan fasiliti di sekolah, pada tahun 2023 semua sekolah termasuklah sekolah di Dun Parit Raja menerima peruntukan RM70,000.00 setiap sekolah untuk Projek Khas Naik Taraf Tandas. Ini bukanlah titik permulaan tetapi satu anjakan paradigma ke atas usaha dan komitmen Kerajaan untuk memastikan persekitaran, infrastruktur dan kemudahan pembelajaran untuk murid di semua sekolah berada dalam keadaan kondusif.

Perincian peruntukan yang diterima bagi setiap sekolah adalah seperti berikut :

1	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI GADING	(RM70,000.00)
2	SEKOLAH KEBANGSAAN TG SEMBERONG	(RM120,000.00)
3	SEKOLAH KEBANGSAAN PINTAS PUDING	(RM90,000.00)
4	SEKOLAH KEBANGSAAN PINTAS RAYA	(RM94,000.00)
5	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI AMAN	(RM90,000.00)
6	SEKOLAH KEBANGSAAN JELOTONG	(RM89,000.00)
7	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PANDAN	(RM90,000.00)
8	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PULEH	(RM90,000.00)
9	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI TIMBUL	(RM74,000.00)
10	SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT RAJA	(RM100,000.00)
11	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN AMINAH	(RM77,500.00)
12	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI GADING	(RM75,000.00)
13	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MUNSHI SULAIMAN	(RM70,000.00)
14	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN ISMAIL	(RM98,000.00)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 25 (A1)**

Apakah tindakan dan usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan daripada dimanipulasi pekerja asing yang bekerja di pasar raya tertentu dengan cara menyimpan barangan bersubsidi dan hanya menjual kepada kaum warga asing mereka sahaja?

**JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN**

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) antara Kementerian yang dikaitkan dengan barangan kawalan bersubsidi oleh pihak kerajaan.

KPDN Johor telah mengambil inisiatif dan tindakan proaktif dengan membuat pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan ke atas kedudukan bekalan barangan kawalan bersubsidi di seluruh Negeri Johor. Pemeriksaan serta pemantauan oleh anggota penguat kuasa tertumpu kepada semua peringkat rangkaian pengedaran melibatkan pengilang, pemborong serta peruncit di seluruh Negeri Johor.

Sebanyak 1,569 aduan rasmi telah diterima sejak 1 Januari 2024 sehingga 5 Mei 2024, manakala aduan yang melibatkan pembelian oleh warga asing telah diterima sebanyak 18 aduan. Siasatan telah dijalankan dan didapati aduan berkenaan tidak berasas.

Selain itu, KPDN Johor ingin menasihatkan peniaga - peniaga khususnya di Negeri Johor agar mematuhi segala undang - undang perniagaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Tindakan tegas akan diambil jika didapati mana-mana peniaga menyorok barangan kawalan subsidi, mengenakan pembelian secara bersyarat atau membenarkan pembelian melebihi had yang telah ditetapkan oleh KPDN di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pengguna di Negeri Johor boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan salah laku peniaga kepada pihak Kementerian melalui:

- i. Pusat Panggilan 1800 886 800;
- ii. Pusat Arahan Penguat Kuasa (ECC) 03 – 8882 6245 / 6088;
- iii. Nombor aduan Whatsapp KPDN iaitu 019 – 279 4317;
- iv. Emel e-aduan@kpdn.gov.my;
- v. Aplikasi telefon pintar Ez ADU; dan
- vi. Laporan/hadir ke mana-mana 8 buah pejabat KPDN di seluruh Negeri Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 26 (A3)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberi bantuan komputer riba atau tablet komputer (Ipad) kepada Ketua Kampung serta elaun alat tulis untuk membantu dan mempermudah tugas mereka dalam mentadbir kampung?

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Setakat ini, kerajaan negeri tidak mempunyai perancangan untuk memberi bantuan komputer riba atau tablet komputer (*ipad*) kepada Ketua Kampung.

Kerajaan Negeri Johor melalui Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil. 3 Tahun 2018, Dasar Perjawatan Ketua Kampung Negeri Johor telah memperuntukkan Elaun Tahunan Bantuan Alat Tulis sebanyak RM 100.00 setiap tahun untuk setiap Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di negeri Johor. Setiap JPKK layak untuk menuntut Elaun Alat Tulis ini.

Selain daripada inisiatif menaikkan kadar elaun ketua kampung, kerajaan negeri pada tahun ini telah menyalurkan bantuan RM500 kepada setiap Ketua Kampung sebagai Bantuan Khas sempena Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini. Selain itu, bagi agenda pembersihan parit-parit kampung dan kegunaan aktiviti gotong-royong kampung, kerajaan negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1 juta keseluruhannya kepada Pejabat-pejabat Daerah bagi pembekalan 2 unit mesin rumput kepada setiap JPKK untuk menyokong pelaksanaan program tersebut.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 27 (A103)**

Mohon kerajaan negeri mempertimbang menyalurkan peruntukan khas bagi membaik pulih fasiliti sukan kampung yang uzur, seperti padang bola, yang kini tidak dapat di selenggara kerana kekangan peruntukan? Ini penting bagi memberi peluang kepada belia-belia di kampung untuk menjalankan aktiviti sukan dan beriadah.

**JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**

Jabatan Belia dan Sukan mengambil maklum berkenaan keadaan fasiliti sukan (padang bola sepak) yang telah uzur dan memerlukan peruntukan baik pulih/selenggara.

Jabatan ini menyarankan agar permohonan peruntukan tersebut dipanjangkan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor untuk pertimbangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**

**SOALAN 28 (A94)**

Berapakah jumlah laporan kes penderaan kanak kanak yang dilaporkan di negeri Johor tahun 2023 dan tahun 2024 sehingga kini mengikut jenis penderaan dan kategori umur yang paling banyak menjadi mangsa penderaan?

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

**JUMLAH KES PENDERAAAN KANAK-KANAK BAGI TAHUN 2023 SEHINGGA BULAN APRIL  
2024 BAGI NEGERI JOHOR**

TAHUN	JUMLAH KES	JENIS PENDERAAAN (FIZIKAL / EMOSI)		KATEGORI UMUR MANGSA			
		PENGABAIAAN	PENDERAAAN	0 HINGGA 1 TAHUN	2 TAHUN HINGGA 5 TAHUN	6 TAHUN HINGGA 12 TAHUN	13 TAHUN HINGGA 18 TAHUN
2023	115	46	69	29	43	55	14
2024 (HINGGA 30 APRIL)	51	28	33	21	15	13	5
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>166</b>	<b>74</b>	<b>102</b>	<b>50</b>	<b>58</b>	<b>68</b>	<b>19</b>

Siasatan bagi kes penderaan kanak-kanak dijalankan di bawah seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak melebihi RM50,000.00 jika disabitkan kesalahan.

1. Jumlah keseluruhan kes berkaitan penderaan kanak-kanak yang dilaporkan bagi tahun 2023 dan tahun 2024 (berakhir 30 April 2024) adalah sebanyak 166 kes.
2. Kes penderaan kanak-kanak dikategorikan kepada 2 jenis iaitu penderaan dan pengabaian. Kes-kes penderaan melibatkan kecederaan fizikal / tekanan emosi / kematian akibat didera / dipukul manakala pengabaian pula melibatkan kes-kes kecuiaan / kemalangan yang menyebabkan kecederaan fizikal / tekanan emosi / kematian terhadap kanak-kanak seperti terjatuh daripada bangunan (kediaman), mati lemas di dalam bilik air, pengabaian dari segi kesihatan dan sumber makanan, terkena air panas serta lain-lain kes.
3. Faktor yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada peningkatan kes penderaan kanak-kanak adalah faktor sosioekonomi keluarga, kesihatan mental individu dan kawalan emosi, serta sejarah keluarga – cycle of violation atau pengaruh dadah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 29 (A58)**

Kewujudan peniaga asing Rohingya menjalankan perniagaan tanpa lesen dengan membuka gerai serta jualbeli besi buruk atau barang terpakai semakin berleluasa. Pergerakan mereka ke kawasan kampung semakin meluas dan boleh mengancam isu keselamatan. Apakah tindakan tegas daripada pihak berkuasa tempatan?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor menjalankan aktiviti kawalan bagi peniaga warga asing di peringkat permohonan lesen premis perniagaan berpandukan beberapa punca kuasa sebagaimana berikut:

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976
2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian
3. Undang-Undang Kecil Penjaja

Bagi permohonan **lesen perniagaan dan iklan** adalah dibenarkan kepada individu bukan warganegara untuk mengemukakan permohonan lesen tersebut. Namun begitu, tafsiran bukan warganegara ini tidak meliputi peniaga asing Rohingya yang seperti sedia maklum merupakan pemegang kad UNHCR. Pemegang kad ini adalah dilarang sama sekali untuk menjalankan sebarang bentuk perniagaan dan dagangan di mana-mana tempat. Mana-mana peniaga yang melanggar syarat pelesenan / tiada lesen boleh dikenakan tindakan sitaan barang dagangan mengikut kepada peruntukan UUK yang telah ditetapkan. Bagi aktiviti menjual besi buruk dan barang terpakai, peniaga perlu mendapatkan dan mengemukakan permit daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Selain itu, permohonan **lesen penjaja** adalah tidak dibenarkan bagi bukan warganegara atau pemastautin tetap (PR) untuk membuat permohonan. Mana-mana peniaga yang melanggar syarat pelesenan / tiada lesen boleh dikenakan tindakan sitaan barang dagangan mengikut kepada peruntukan UUK yang telah ditetapkan.

Antara Tindakan yang telah dilaksanakan oleh PBT termasuklah menjalankan aktiviti rondaan serta pemantauan berkala oleh Jabatan Penguat kuasa. Selain itu, operasi bersepadu bersama agensi-agensi berkaitan turut dilaksanakan dan tindakan sitaan barang-barang perniagaan melibatkan penjaja warga asing. Aktiviti pemantauan di premis-premis perniagaan yang menggunakan nama warga tempatan turut dirujuk ke Jabatan Pelesenan bagi tindakan pembatalan dan penggantungan lesen perniagaan. Sekiranya warga asing ada menggunakan kenderaan, pihak polis dan jabatan pengangkutan jalan akan turut dilibatkan dalam operasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

Berikut merupakan tindakan yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Muar (MPM) bagi tahun 2023 sehingga 2024:

<b>PBT</b>	<b>OPERASI BERSEPADU</b>	<b>TINDAKAN PENGUATKUASAAN</b>	<b>PEMBATALAN LESEN PERNIAGAAN</b>
MPM	36	45	33

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**

**SOALAN 30 (A112)**

Berapakah nilai aset wakaf yang terbiar tidak digunakan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD FARED BIN HAJI MOHD KHALID**

Untuk makluman yang Berhormat Permas, terdapat 5,373 tanah wakaf yang didaftarkan kepada Majlis Agama Islam negeri Johor mengikut hujah yang merangkumi 815 tapak perkuburan islam, 945 tapak masjid, 1,872 tapak surau, 891 sekolah agama dan 850 Kebajikan am. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,596 tanah wakaf yang telah dibangunkan mengikut hujah. Tapak-tapak tersebut akan dibangunkan mengikut hujah yang telah dinyatakan mengikut keperluan semasa dan perancangan yang telah ditetapkan.

Pada asasnya, tapak-tapak wakaf ini bukanlah terbiar tanpa sebarang pembangunan, tetapi masih belum mempunyai keperluan atau perancangan untuk dibangunkan seperti pembinaan sekolah agama di kawasan perumahan yang belum ada peruntukan bajet pembinaan atau tapak-tapak perkuburan yang masih belum digunakan disebabkan tapak sedia ada masih digunakan. Dianggarkan tapak tanah wakaf yang belum dibangunkan adalah sebanyak 1,511 tapak dan nilainya yang mana perlu dirujuk kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Namun begitu, tanah-tanah yang masih belum digunakan mengikut hujah ini, Majlis Agama Islam Negeri Johor mengambil inisiatif menawarkan kepada individu atau syarikat untuk membuat permohonan disewa atau dipajak dalam tempoh

jangka masa yang terhad. Sebagai contoh, pada tahun 2023 sebanyak 83 permohonan tapak wakaf untuk disewa telah diterima oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor yang meliputi pelbagai aktiviti ekonomi seperti tanaman kontan, bazar wakaf, bangunan kedai dan sebagainya. Sebanyak 69 permohonan telah diluluskan pada tahun tersebut untuk diusahakan.

Majlis Agama Islam Negeri Johor akan memastikan tapak-tapak wakaf tidak akan terbiar dan bersedia mempertimbangkan pelbagai permohonan tapak wakaf untuk diusahakan selagi ianya mematuhi hukum syarak.

**STATISTIK PERMOHONAN SEWAAN TAPAK WAKAF**

TAHUN	PERMOHONAN	KELULUSAN
2021	23	17
2022	74	61
2023	83	69

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 31 (A46)**

Terdapat aduan daripada pesakit yang dibenarkan pulang dari hospital tetapi proses keluar hospital mengambil masa yang lama. Kelewatan menyebabkan pesakit lain yang sepatutnya dimasukkan ke wad menunggu lama kerana tiada kekosongan katil. Apakah inisiatif pihak hospital bagi menangani masalah tersebut?

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Proses discaj pesakit pulang dari hospital mempunyai banyak peringkat yang memerlukan tindakan banyak pihak. Sehubungan dengan itu, proses ini boleh mengambil masa yang agak lama bermula dari keputusan dibenarkan pulang dibuat oleh doktor yang merawat sehingga pesakit dapat pulang ke rumah.

Bagi menangani masalah ini, hospital ada memperkenalkan ruang menunggu khas untuk pesakit yang dibenarkan pulang dikenali sebagai 'discaj lounge' bagi mengatasi tempoh menunggu terlalu lama khususnya bagi kemasukan pesakit baru untuk mendapatkan katil di wad.

Ruang 'discaj lounge' ini bertujuan menempatkan pesakit yang sudah dibenarkan pulang sementara menunggu proses dokumentasi selesai, sekali gus membolehkan katil dikosongkan segera untuk diisi pesakit lain yang memerlukan rawatan.

Sekian, Terima Kasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 32 (A75)**

Isu kedalaman Muara Sungai Kuala Sedili dan Sedili Kecil. Apakah perancangan jangka pendek dan perancangan masa hadapan yang dirancang bagi mendalami dan penambahbaikan isu ini kerana ianya melibatkan pendapatan hasil nelayan khususnya dalam DUN Sedili.

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengenalpasti keadaan muara Sungai Sedili Besar yang semakin cetek. Keadaan ini bukan sahaja melibatkan pendapatan hasil nelayan tetapi juga menjejaskan operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang mempunyai pengkalan di muara sungai tersebut.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui JPS Johor telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah ini. JPS telah membuat permohonan peruntukan bagi kerja-kerja pemuliharaan Muara Sungai Sedili Besar melalui Racangan Malaysia ke-12 (RP3) 2022 dengan anggaran kos sebanyak RM52juta kepada Kerajaan Persekutuan namun begitu permohonan tersebut tidak disenaraikan. Walaubagaimanapun, JPS Johor akan mengangkat semula permohonan peruntukan bagi RMK-13 (2026).

Disamping itu juga, sebagai perancangan awal, bagi tahun 2024, JPS telah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM100,000.00 melalui peruntukan pembangunan negeri bagi melaksanakan kerja ukur di muara Sungai Sedili Besar. Hasil daripada kerja ukur ini akan dijadikan dokumen sokongan bagi menguatkan justifikasi permohonan peruntukan bagi kerja mendalami muara sungai tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)****SOALAN 33 (A73)**

Senaraikan jalan yang telah dinaik taraf dengan menggunakan teknologi garisan jalan bercahaya dalam gelap atau glow in the dark di negeri Johor.

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

1. Untuk makluman Yang Berhormat berikut adalah senarai jalan yang diluluskan untuk dilaksanakan teknologi garisan jalan bercahaya di dalam gelap atau glow in the dark dibawah peruntukan P74 74001:

Bil	Kerja	Kos (RM)	Daerah
1	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Sungai Tiram (J008) Seksyen 1.00-4.00 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Johor Bahru, Johor	100,000.00	Johor Bahru
2	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di (J32) Jalan Muar -Labis Seksyen 35.50-35.90 Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Daerah Muar, Johor	50,000.00	Muar
3	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di (J32) Jalan Muar -Labis Seksyen 36.00-36.40 Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Daerah Muar, Johor	50,000.00	Muar
4	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Pulapol (J43), Seksyen 0.00 - 11.00 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Segamat, Johor	100,000.00	Segamat
5	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Jalan Sedenak (J103) Seksyen 3.1-3.5 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Kulai, Johor	100,000.00	Kulai
6	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Niyor (J191) Seksyen 5.00-7.00 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Kluang, Johor	100,000.00	Kluang
7	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Paloh (J16) Seksyen 20.00-21.487 (Localised) Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Daerah Batu Pahat, Johor.	100,000.00	Batu Pahat



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

8	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Serom 8 (J187) Seksyen 9.00-10.00 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Tangkak.	50,000.00	Tangkak
9	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Bekoh (J123) Seksyen 4.00-6.00 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Tangkak.	50,000.00	Tangkak
10	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Parit Sikom - Parit Panjang (J118) Seksyen 3.50-4.50 (Localised) Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Daerah Pontian, Johor	100,000.00	Pontian
11	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Tg. Balau- Sedili Kecil (J173) Seksyen 28.6 - 29.0 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Kota Tinggi, Johor.	100,000.00	Kota Tinggi
12	Kerja-Kerja Mengecat Garisan Jalan Jenis "Glow In The Dark" Di Jalan Meta (J213) Seksyen 0.15 - 1.50 Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Mersing, Johor	100,000.00	Mersing

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**

**SOALAN 34 (A210)**

Adakah kerajaan bercadang membina Pusat Pemindahan Kekal (PPK) bagi menghadapi banjir pada masa akan datang di kawasan DUN Senggarang.

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

**Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Johor** sentiasa cakna dan mengambil berat berkenaan penambahbaikan pengurusan bencana negeri.

Cadangan dan perancangan bagi pembinaan Pusat Pemindahan Kekal (PPK) adalah **di bawah rancangan Kerajaan Persekutuan di bawah tanggungjawab Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).**

Setakat ini, **3 kawasan dalam negeri Johor telah dipilih untuk dibangunkan PPK** iaitu:

- i. Satu di Sri Medan, Batu Pahat
- ii. Dua di Kota Tinggi).

Pemilihan tempat ini adalah dibuat **berdasarkan justifikasi keperluan menampung mangsa yang mana ketiga-tiga tempat ini merupakan antara tempat yang kerap berlaku banjir dengan jumlah mangsa yang ramai.**

Sekiranya kerajaan negeri Johor di tawarkan penambahan PPK, JPBN Johor akan menyenarai pendek daerah yang lain utk dicadangkan, namun keutamaan akan diberikan pada daerah/ kawasan yang benar-benar kritikal/ terkesan berulang kali.

Pemilihan Pusat Pemindahan Kekal (PPK) melibatkan peranan dan tanggungjawab daripada pelbagai agensi. **Sekiranya kerajaan negeri Johor di tawarkan penambahan PPK**, JPBN Johor akan menyenarai pendek daerah yang lain utk dicadangkan, namun keutamaan akan diberikan pada daerah/ kawasan yang benar-benar kritikal/ terkesan berulang kali.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)****SOALAN 35 (A203)**

Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan akses kesihatan di kawasan pedalaman bagi mengurangkan jurang kesihatan antara bandar dan luar bandar di negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Kerajaan negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan terus meningkatkan kesihatan rakyat dengan menyediakan akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti dan memberikan tumpuan kepada meningkatkan sokongan yang bersasar; menambah baik sistem penyampaian; memperluas kapasiti perkhidmatan penjagaan kesihatan; dan mempergiat kerjasama antara sektor awam dan swasta serta NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan.

Hasil daripada pelaksanaan strategi yang dirangka akan meningkatkan pencapaian akses sejagat kepada penjagaan kesihatan berkualiti dan menambah baik status kesihatan yang seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Antara inisiatif yang telah diperkenalkan di negeri Johor adalah projek perkhidmatan bas klinik bergerak Maju Johor ke semua 56 kawasan DUN dalam negeri Johor. Disamping itu Jabatan Kesihatan Negeri Johor ada juga menawarkan perkhidmatan pasukan klinik bergerak & bas bergerak pergigian ke kawasan luar bandar dan pedalaman.

Sekian, terima kasih

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 36 (A119)**

Perkhidmatan pengangkutan kereta/van rentas sempadan Malaysia/Singapura mempunyai permintaan yang cukup tinggi. Apakah rancangan kerajaan untuk membantu industri ini dari segi undang-undang dan persefahaman di antara dua negara?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Pada masa ini perkhidmatan pengangkutan awam rentas sempadan antara Malaysia/Singapura dijalankan berdasarkan persetujuan bilateral antara kedua-dua negara serta secara *reciprocal basis*. Terdapat sejumlah 200 buah teksi dan 180 buah bas berhenti-henti di pihak Malaysia telah dilesenkan bagi tujuan perkhidmatan pengangkutan awam rentas sempadan antara Malaysia/Singapura sehingga kini.

Bagi maksud rentas sempadan juga, Malaysia dan Singapura dalam usaha membangun bersama Rapid Transit System (RTS) yang akan beroperasi pada awal tahun 2027. Keperluan tambahan perkhidmatan pengangkutan awam lain akan dikaji kesan dari pengenalan RTS ini. Sehubungan itu, sebarang cadangan penambahan ke atas perkhidmatan sedia ada ini boleh diajukan kepada *urusetia Joint Ministerial Committee For Iskandar Malaysia* (JMCIM) untuk dikaji dan dibawa untuk perbincangan lanjut di antara Malaysia/Singapura.

Selanjutnya, Kerajaan Persekutuan juga telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) antara Malaysia dan Singapura pada 11 Januari 2024. Kumpulan Kerja Memudahkan pergerakan personel dan barangan telah dibentuk bagi meneliti semua mod pergerakan keluar masuk Johor Bahru ke Singapura dan seterusnya merangka strategi antara kedua-dua negara untuk melicinkan pergerakan rentas sempadan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 37 (A225)**

Adakah dibawah Perbadanan Pengangkutan Awam Johor menyediakan coaster sebagai ganti kepada bas di kawasan-kawasan yang sukar dimasuki seperti di PPR Permai Kempas yang terdapat ramai golongan B40 dan warga emas?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Isu aksesibiliti adalah antara cabaran utama dalam penyediaan perkhidmatan bas di sesuatu kawasan. Aksesibiliti pengangkutan awam merupakan satu indikator penting dalam mengukur perancangan pengangkutan dan juga turut memainkan peranan penting dalam pergerakan penduduk khususnya di sesebuah bandar.

Terdapat kemudahan perkhidmatan bas berhenti-henti dan bas mini di kesemua laluan utama menuju ke pusat Bandaraya. Ini membuktikan Bandaraya Johor Bahru mempunyai aksesibiliti yang baik menerusi perkhidmatan pengangkutan awam. Namun, terdapat beberapa isu aksesibiliti perkhidmatan bas awam di laluan utama menuju ke pusat Bandaraya.

Perkhidmatan bas mini dikatakan lebih efisien, kerana lebih mudah bergerak melalui kawasan sibuk dan jalan sempit seperti kawasan perumahan. Oleh itu, Pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) melalui operator-operator bas untuk projek BMJ telah memperkenalkan penggunaan bas yang lebih kecil dan mini untuk beroperasi di kawasan perumahan dan hospital.

Jika terdapat keperluan penggunaan bas yang lebih kecil untuk mengambil penduduk di kawasan yang sempit, pihak PAJ dan PBT yang terlibat akan mencadangkan penggunaan bas yang sesuai bagi memberi kemudahan pengangkutan yang lebih efisien kepada penduduk setempat.

Untuk makluman Ahli Dewan semua, di kawasan Iskandar Malaysia sahaja, PAJ telah menggunakan sebanyak 12 buah bas mini di laluan BMJ termasuk Shuttle bas Hospital. Pada masa akan datang, penggunaan bas mini ini akan ditingkatkan mengikut keperluan akan datang

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)****SOALAN 38 (A147)**

Berapakah jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang berdaftar di seluruh Johor setakat ini dan berapakah dikategorikan sebagai 'tidak aktif'? Apakah usaha daripada Jabatan Perpaduan Negara membantu untuk mengaktifkan semula KRT ataupun menggantikan dengan orang baru?

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Jumlah Rukun Tetangga di Negeri Johor adalah sebanyak 853 kawasan dan daripada jumlah ini, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mengelaskan kepada tiga (3) kategori KRT berdasarkan keaktifan. Sebanyak 59 Kawasan Rukun Tetangga adalah paling aktif, 693 Kawasan Rukun Tetangga adalah sederhana aktif dan 101 Kawasan Rukun Tetangga tidak aktif. Pengkelasan kategori ini merujuk kepada Surat Pekeliling Ketua Pengarah Rukun Tetangga Bilangan 1, Tahun 2024: Garis Panduan Penilaian Keaktifan Kawasan Rukun Tetangga.

Dalam usaha membantu memupuk perpaduan dan kesejahteraan masyarakat dalam kawasan kejiranan, halatuju yang lebih strategik telah dirangka dalam Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Agenda Kerja Komuniti RT4ALL sebagai panduan gerak kerja melaksanakan program-program perpaduan yang lebih sistematik dan berkesan. Agenda Kerja Komuniti RT4ALL memfokuskan kepada 4 gerak kerja iaitu:

- a) **KRT Sejahtera** iaitu memfokuskan kepada kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup;
- b) **KRT Selamat** iaitu menjadikan tanggungjawab menjaga keselamatan secara inklusif bersama komuniti;
- c) **KRT Bersih dan Indah** iaitu memfokuskan kepada amalan penjagaan kebersihan dan keindahan kawasan komuniti; dan
- d) **KRT Sihat** iaitu memfokuskan kepada program amalan gaya hidup sihat meliputi pelbagai aspek dengan penglibatan komuniti Rukun Tetangga seperti berikut:
  - i. Program Jom Bersih dan Sihat
  - ii. Program Jom Ronda SRS
  - iii. Program Gerak Rahmah Masak Bubur Lambuk.
  - iv. Sambutan Minggu Perpaduan
  - v. Program Jom Bersih Dan Indah
  - vi. Program Kenali Budaya Kita

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2024**

vii. Program Gerak Muhibah

Dengan melaksanakan program-program perpaduan ini, KRT dapat menyemarakkan semangat perpaduan, patriotisme, jati diri, keharmonian agama, keselamatan kejiranan dan kesejahteraan ekonomi komuniti untuk rakyat Johor berbilang bangsa, agama dan budaya

Bilangan Kawasan Rukun Tetangga yang terkini di negeri Johor adalah sebanyak 853 KRT yang dikategorikan mengikut keaktifan dan kawasan seperti berikut :

DAERAH	PALING AKTIF	AKTIF	SEDERHANA AKTIF	TIDAK AKTIF	KRT BARU 2021	KRT BARU 2022	JUMLAH RT
Batu Pahat	10	42	22	3	0		77
Johor Bahru	5	154	19	64	2		244
Kluang	8	56	12	0	0	1	77
Kota Tinggi	0	49	8	10	10		77
Mersing	19	14	0	3	0		36
Muar	0	80	21	11	0		112
Pontian	14	21	0	9	0		44
Segamat	1	55	8	0	1		65
Tangkak	0	33	0	3	0		36
Kulai	0	73	0	11	0	1	85
	<b>59</b>	<b>693</b>	<b>90</b>	<b>114</b>	<b>13</b>	<b>2</b>	<b>853</b>

Daripada bilangan Kawasan Rukun Tetangga ini, peratusan KRT yang menerima geran adalah sebanyak 88.15% manakala peratusan KRT yang tidak dapat geran kerana tidak aktif adalah 11.84% dan daripada itu, 13 KRT dapat diaktifkan semula pada tahun 2023

Jabatan telah melaksanakan langkah-langkah pemulihan ke atas Kawasan Rukun Tetangga yang tidak aktif dengan mengadakan perjumpaan, penyeliaan dan pemantauan secara berkala. Sekiranya Jawatankuasa Rukun Tetangga sedia ada tidak dapat meneruskan kepimpinan, maka penggantian jawatankuasa baharu akan dilaksanakan mengikut prosedur yang telah digariskan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga. Selain itu, Jabatan akan memberi bimbingan dan motivasi secara berterusan. Proses memulihkan Kawasan Rukun Tetangga untuk aktif semula memerlukan tempoh yang panjang dan bimbingan yang berterusan.